

03/11/1998

Pedagang mata wang perlu didaftar: Mahathir

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menggariskan beberapa cadangan mengawal urus niaga mata wang, termasuk mensyaratkan penjual perlu menghantar wang mengikut tempoh yang ditetapkan selepas urus niaga.

Perdana Menteri turut mengesyorkan agar pedagang mata wang didaftar dan dilesenkan di negara tempat ia beroperasi, manakala asas pertukaran mata wang perlu dikawal.

Serentak itu, katanya, satu jumlah yang tidak melebihi jajaran tertentu untuk urus niaga di sesebuah negara perlu ditetapkan sebagai kadar maksimum urus niaga untuk sehari.

"Selagi ada pembeli, tidak perlu pertukaran pada kadar tukaran asing. Sebahagian kadar tukaran diberikan masa dan jika kadar mencapai peratus yang dibenarkan, urus niaga perlu disekat," katanya.

Beliau mengemukakan cadangan itu dalam ucaptamanya pada Persidangan Mengurus Krisis Kewangan Asia: Cabaran dan Pengajaran, di sini.

Persidangan yang dihadiri kira-kira 350 peserta termasuk dari Jepun, Korea, Hong Kong dan Singapura itu dianjurkan Institut Kepimpinan dan Strategik Asia (Asli); Rating Agency Malaysia Berhad (RAM) dan Limkokwing Intergrated.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan Pertama berkata, undang-undang dan peraturan itu boleh menghalang peniaga mata wang daripada meraih keuntungan besar yang diperolehi ketika ini.

Beliau menegaskan, langkah pembedahan tidak boleh mengatasi masalah kewangan dan ekonomi sekarang kecuali semua pihak menerima hakikat bahawa punca utama masalah itu disebabkan urus niaga mata wang.

Menurutnya, usaha membendung krisis itu akan berjaya jika negara kaya turut sedia bekerjasama serta memastikan undang-undang dan peraturan mengawal urus niaga dilaksanakan.

"Urus niaga mata wang perlu terbuka. Dunia perlu bersama bertindak menghalang peminjaman wang untuk spekulasi. Tidak ada alasan dunia tidak boleh bertindak bersama untuk melaksanakan peraturan urus niaga mata wang," katanya.

Perdana Menteri berkata, jika perdagangan barangan dan perkhidmatan boleh dihadkan mengikut kemampuan pasaran, tidak ada sebab urus niaga mata wang tidak boleh dikenakan tindakan serupa.

"Kita perlu melindungi keuntungan berganda urus niaga mata wang daripada memusnahkan negara, rantau dan dunia sehingga berlaku kegawatan dan kemelesetan," katanya.

Dr Mahathir berkata, selain hanya sebahagian pelabur kaya yang mendapat keuntungan besar daripada urus niaga mata melalui dana lindung nilai, kekayaan mereka itu memusnahkan kemakmuran pihak lain.

"Sekarang kita lihat urus niaga mereka juga boleh gagal membabitkan pelabur kaya, bank dan dana lindung nilai. Kejatuhan satu dana lindung yang terbabit dalam urus niaga mata wang boleh menyebabkan kemelesetan di seluruh dunia," katanya.

(END)